


Tertib Surah	Nama Surah	Bilangan Ayat	Bilangan Ruku'	Makkiyyah / Madaniyyah	Tertib Turun	Bilangan Paragraf
Ke-9	At-Taubah	129	16	Madaniyyah	Ke-113	5



Zaman Turun Surah at-Taubah Dan Latarbelakangnya

Pada bulan Rajab 9 Hijrah, Rasulullah s.a.w. telah keluar membawa satu pasukan tentera berjumlah 30,000 orang untuk berperang dengan Qaisar Rom di sebelah utara. Baginda berangkat bersama pasukan itu ke Tabuk tetapi Qaisar dan bala tenteranya tidak datang. Rasulullah s.a.w. menetap di sana selama 20 hari. Negeri-negeri Kristian yang kecil-kecil di bawah jajahan Qaisar telah bersedia memberi jizyah sebagai tanda ketaatan mereka kepada pemerintah Islam. Rasulullah s.a.w. berangkat pulang pada bulan Sya'baan 9 Hijrah. Bahagian kedua Surah at-Taubah diturunkan pada bulan Rajab 9 Hijrah sehubungan persiapan dan persediaan untuk berangkat ke Tabuk. Bahagian ketiga Surah at-Taubah diturunkan pada beberapa waktu yang berlainan ketika pulang daripada perang Tabuk. Dan bahagian pertama Surah at-Taubah merupakan yang paling akhir diturunkan. Ia diturunkan pada bulan Zul Qa'dah 9 Hijrah sebelum umat Islam mengerjakan haji. Perintah mengerjakan haji dan hukum-hakamnya mula-mula sekali disampaikan oleh Abu Bakar sebagai amir haji, setelah itu, beberapa hukum tambahan disampaikan pula oleh Sayyidina 'Ali. Ia disebarkan sebagai perisytiharan umum dalam perhimpunan besar orang-orang musyrikin Arab. Surah at-Taubah turun pada 9 Hijrah. Pada bulan Rajab 9 Hijrah, perjalanan untuk peperangan Tabuk telah bermula.

Ayat 113 bagaimanapun diturunkan di Mekah pada tahun ke-10 Kenabian berkenaan dengan Abu Thalib, di dalamnya terdapat larangan mendoakan keampunan untuk orang-orang musyrikin.

Penurunan beberapa ayat Surah at-Taubah secara terpisah adalah seperti berikut:

1. Ayat 1 hingga 12 diturunkan pada 9 Hijrah sebelum orang-orang Islam mengerjakan haji, berkemungkinan besar ayat 25 hingga 28 dan 36 hingga 37 juga diturunkan pada masa itu.
2. Ayat 13 hingga 24 diturunkan di permulaan tahun ke-8 Hijrah sebaik saja terbatalnya perjanjian damai di Hudaibiyah.
3. Ayat-ayat 29 hingga 35 berhubung dengan jihad dan jizyah terhadap Ahli Kitab turun sebelum peperangan Tabuk yang berlaku pada bulan Rajab tahun ke-9 Hijrah.
4. Ayat-ayat ke-38 hingga 41 turun berkaitan dengan persiapan untuk peperangan Tabuk, di dalamnya tersebut galakan dan gesaan supaya berjihad.
5. Ayat-ayat 42 hingga 127 diturunkan pada akhir tahun ke-9 Hijrah ketika Rasulullah s.a.w. kembali dari peperangan Tabuk, kebanyakan ayat-ayatnya berkenaan dengan orang-orang munafiq.
6. Dua ayat terakhir iaitu ayat 128 hingga 129 turun di akhir tahun ke-10 Hijrah. Di dalamnya tersebut betapa Rasulullah s.a.w. bersimpati dan mahukan kebaikan untuk umatnya, umat Islam dinasihatkan supaya menghargainya.

Ciri Khusus Surah At-Taubah

1. Sebelum Rasulullah s.a.w. wafat di Madinah, tiga surah diturunkan kepada Rasulullah s.a.w. pada tahun ke-9 dan ke-10 iaitu Surah al-Bayyinah, Surah at-Taubah dan Surah an-Nashr. Dilihat dari segi tartib turun surah-surah tersebut, Surah at-Taubah merupakan yang paling besar dan terakhir diturunkan di Madinah.
2. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ tidak dituliskan di permulaan surah, daripadanya terbukti dua perkara: (1) Al-Qur'an yang ada pada hari ini masih terpelihara seperti asalnya di zaman Rasulullah s.a.w. sebagaimana yang ada iniliah. Ia dituliskan mengikut perintah dan arahan Rasulullah s.a.w. (2) Di dalam Surah al-Anfaal sebelum ini telah dinyatakan adab-adab jihad, kelebihan dan juga faedahnya, di dalamnya juga tersebut hukum-hukum perang dan damai. Di dalam Surah at-Taubah ini pula terdapat perintah supaya berperang dengan orang-orang musyrikin dari kalangan Bani Isma'il, Ahli Kitab dan juga orang-orang munafiq. Dari sudut perhubungan antara kedua-dua surah terdapat perkaitan yang rapat, kedua-duanya berkaitan dengan jihad.

Perkaitan Surah At-Taubah Dengan Surah Sebelum Dan Selepasnya

1. Di dalam Surah al-Anfaal sebelum ini disebutkan tentang falsafah jihad, galakan berjihad dan adab-adab jihad, di dalam Surah at-Taubah ini pula disebutkan tiga golongan (orang-orang musyrikin, Ahli Kitab dan munafiqin). Umat Islam diperintahkan supaya memerangi mereka dengan bersungguh-sungguh.
2. Di dalam Surah Yunus selepas surah ini nanti sebelum berjihad disebutkan syarat-syarat jihad. Jihad tidak akan menjadi kenyataan tanpa adanya kepercayaan yang penuh terhadap 'aqidah tauhid, kerasulan dan akhirat. Perkara ini dikemukakan berserta dalil-dalil yang kukuh.

Beberapa Kata Kunci Dan Tema Utama Surah

1. Kesalahan-kesalahan dan jenayah-jenayah yang dilakukan musyrikin Mekah didedahkan dan orang-orang Islam diberikan panduan dalam menghadapi mereka:

(a) Setelah orang-orang musyrikin Mekah melanggar perjanjian damai Hudaibiyah, dinyatakan pembatalan perjanjian dari Allah dan RasulNya terhadap mereka. (Ayat: 1)

بَرَاءَةٌ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ إِلَى الَّذِينَ عَاهَدْتُمْ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١﴾

(b) Pada tahun ke-9 Hijrah orang-orang musyrikin Mekah diberikan kata dua selama empat bulan. (Ayat: 3)

وَأَذِّنْ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ إِلَى النَّاسِ يَوْمَ الْحَجِّ الْأَكْبَرِ أَنَّ اللَّهَ بَرِيءٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ وَرَسُولُهُ

(c) Orang-orang musyrikin yang tidak melanggar perjanjian damai Hudaibiyah diarahkan supaya membiarkan mereka hingga habis tempoh perjanjian, ini adalah salah satu polisi luar negara Islam. (Ayat: 4)

إِلَّا الَّذِينَ عَاهَدْتُمْ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ثُمَّ لَمْ يَنْقُصُوكُمْ شَيْئًا وَلَمْ يُظَاهِرُوا عَلَيْكُمْ أَحَدًا فَأَتِمُوا لَبِئِهِمْ عَهْدَهُمْ إِلَىٰ مُدَّتِهِمْ

(d) Orang-orang musyrikin diberi amaran bahawa selepas empat bulan mereka akan ditangkap dan dibunuh, jika mereka menerima Islam lalu bersembahyang dan memberi zakat maka tindakan ketenteraan terhadap mereka tidak akan diteruskan. (Ayat: 5)

فَإِذَا أُنْسِلَخَ الْأَشْهُرُ الْحُرُمُ فَاقْتُلُوا الْمُشْرِكِينَ حَيْثُ وَجَدْتُمُوهُمْ وَخُذُوهُمْ وَأَحْضُرُوهُمْ وَأَقْعُدُوا لَهُمْ كُلَّ مَرْصِدٍ إِن تَابُوا وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوْا الزَّكَاةَ فَخَلُّوا سَبِيلَهُمْ

(e) Jika orang-orang musyrikin atau bukan Islam mahu mendapat kebenaran daripada negara Islam untuk masuk ke dalam negara islam secara damai dengan tujuan mempelajari agama Islam, mereka akan diberi perlindungan dan akan dibenarkan berada di dalam negara Islam sehingga habis tempoh kebenaran untuk mereka. Setelah itu mereka akan dipulangkan ke negeri asal mereka dengan aman damai. (Ayat: 6)

وَإِنْ أَحَدٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ اسْتَجَارَكَ فَأَجِرْهُ حَتَّىٰ يَسْمَعَ كَلِمَ اللَّهِ ثُمَّ أَبْلِغْهُ مَأْمَنَهُ

(f) Orang-orang musyrikin yang menjaga dan menghormati perjanjian boleh terus berhubungan dengan orang-orang Islam, mereka bagaimanapun selalu mungkir janji. (Ayat: 7)

كَيْفَ يَكُونُ لِلْمُشْرِكِينَ عَهْدٌ عِنْدَ اللَّهِ وَعِنْدَ رَسُولِهِ إِلَّا الَّذِينَ أُقْبِلُوا عِنْدَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ فَمَا اسْتَقْتَضَا لَكُمْ فَاسْتَقِيمُوا لَهُمْ

(g) Orang-orang musyrikin tidak diberikan hak untuk membina masjid-masjid dalam keadaan mereka sebagai orang-orang kafir. (Ayat: 17)

مَا كَانَ لِلْمُشْرِكِينَ أَنْ يَعْمُرُوا مَسْجِدَ اللَّهِ شَاهِدِينَ عَلَىٰ أَنْفُسِهِم بِالْكَفْرِ

(h) Orang-orang musyrikin itu kotor disudut aqidah mereka, kerana itu kebenaran untuk masuk ke dalam kawasan tanah haram tidak diberikan. (Ayat: 28)

إِنَّمَا الْمُشْرِكُونَ نَجَسٌ فَلَا يَقْرَبُوا الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ بَعْدَ عَامِهِمْ هَذَا

(i) Walaupun orang-orang musyrikin tidak suka, Allah tetap menghantar RasulNya Muhammad membawa petunjuk dan agama yang benar supaya agamaNya mendominasi kehidupan beragama semua manusia. (Ayat: 33)

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَى وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ ﴿٣٦﴾

(j) Sebagaimana orang-orang musyrikin bersekutu dan bersepakat dalam ketenteraan mereka, orang-orang Islam juga hendaklah bersatu dan bersekutu dalam memerangi mereka. (Ayat: 36)

وَقَاتِلُوا الْمُشْرِكِينَ كَافَّةً كَمَا يُقَاتِلُونَكُمْ كَافَّةً

(k) Tidak dibenarkan nabi dan mana-mana orang Islam mendoakan keampunan untuk orang-orang musyrikin yang mati, walaupun mereka itu kerabat terdekat sekalipun. (Ayat: 113)

مَا كَانَ لِلنَّبِيِّ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْ يَسْتَغْفِرُوا لِلْمُشْرِكِينَ وَلَوْ كَانُوا أُولَىٰ قُرْبَىٰ

2. Kesalahan-kesalahan dan jenayah-jenayah yang dilakukan oleh Ahli Kitab dan panduan untuk orang-orang Islam menghadapi mereka.

(a) Ahli Kitab yang menjadi warga negara Islam akan dikenakan jizyah (cukai kepala). Jika tidak mereka akan diperangi. (Ayat: 29)

فَقَاتِلُوا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا بِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَا يُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَلَا يَدِينُونَ دِينَ الْحَقِّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حَتَّىٰ يُعْطُوا الْجِزْيَةَ عَنْ يَدٍ وَهُمْ صَاغِرُونَ ﴿٢٩﴾

(b) Di kalangan Ahli Kitab ada yang mempercayai `Uzair sebagai anak Allah dan orang-orang Kristian pula mempercayai `Isa sebagai anak Allah, kerana itu kedua-dua golongan Ahli Kitab itu patut dila`nat. (Ayat: 30)

وَقَالَتِ الْيَهُودُ عُزَيْرٌ ابْنُ اللَّهِ وَقَالَتِ النَّصَارَى الْمَسِيحُ ابْنُ اللَّهِ ذَلِكَ قَوْلُهُمْ بِأَفْوَاهِهِمْ يُضَاهِئُونَ قَوْلَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ قَبْلُ قَتَلْنَاهُمْ
اللَّهُ أَنَّىٰ يُؤْفَكُونَ ﴿٣٠﴾

(c) Ahli Kitab telah mengabaikan ayat-ayat di dalam Taurat dan Injil, mereka sebaliknya menjadikan para ahbar (ulama) dan pendita-pendita mereka sebagai tuhan yang menghalal dan mengharamkan sesuatu untuk mereka, padahal mereka diperintah supaya beribadat dan taat hanya kepada Allah semata-mata, ini bererti mereka telah melakukan *شرك في التشريع*. (Ayat: 31)

اتَّخَذُوا أَحْبَارَهُمْ وَرُهْبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَالْمَسِيحَ ابْنَ مَرْيَمَ وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا إِلَهًا وَاحِدًا لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ سُبْحَانَهُ عَمَّا
يُشْرِكُونَ ﴿٣١﴾

(d) Ahli Kitab mahu memadamkan cahaya Allah dengan meniupnya dengan mulut-mulut mereka tetapi Allah tetap hendak menyempurnakan cahayanya. (Ayat: 32)

يُرِيدُونَ أَنْ يُطْفِئُوا نُورَ اللَّهِ بِأَفْوَاهِهِمْ وَيَأْبَى اللَّهُ إِلَّا أَنْ يُتِمَّ نُورَهُ وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ ﴿٣٤﴾

(e) Para 'ulama' (ahbar) dan pendita (ruhban) memakan harta orang ramai dengan cara yang tidak betul, mereka menghalang orang daripada mengikuti jalan Allah, mereka sibuk mengumpulkan emas dan perak, dan tidak membelanjakannya di jalan Allah, mereka ini akan menjadi ahli neraka. (Ayat: 34)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّ كَثِيرًا مِّنَ الْأَخْبَارِ وَالرُّهْبَانِ لِيَآْكُلُوا أَمْوَالَ النَّاسِ بِالْباطِلِ وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ
الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يَنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣٥﴾

3. Kesalahan-kesalahan dan jenayah-jenayah yang dilakukan oleh orang-orang munafiqin dan panduan untuk orang-orang Islam menghadapi mereka.

(a) Orang-orang munafiq itu sebenarnya tidak percaya kepada Allah dan RasulNya, mereka bersembahyang dengan penuh perasaan malas dan berbelanja pula dengan berat hati. (Ayat: 54)

أَنَّهُمْ كَفَرُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَلَا يَأْتُونَ الصَّلَاةَ إِلَّا وَهُمْ كُسَالَىٰ وَلَا يُنْفِقُونَ إِلَّا وَهُمْ كَارِهُونَ ﴿٥٤﴾

(b) Orang-orang munafiq sentiasa bimbang, takut-takut Allah menurunkan sesuatu surah yang membuka rahsia nifaq di dalam hati-hati mereka. (Ayat: 64)

يَحْذَرُ الْمُنَافِقُونَ أَنْ تُنَزَّلَ عَلَيْهِمْ سُورَةٌ تُنَبِّئُهُمْ بِمَا فِي قُلُوبِهِمْ قُلِ اسْتَهِزِمُوا إِنَّ اللَّهَ مُحَرِّجُ مَا تَحْذَرُونَ ﴿٦٤﴾

(c) Orang-orang munafiq menyuruh orang melakukan keburukan dan menghalang mereka daripada melakukan kebaikan, mereka tidak suka berderma, mereka lupa kepada Allah, kerana itu Allah melupakan mereka. (Ayat: 67)

يَأْمُرُونَ بِالْمُنْكَرِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمَعْرُوفِ وَيَقْبِضُونَ أَيْدِيَهُمْ نَسُوا اللَّهَ فَنَسِيَهُمْ إِنَّ الْمُنَافِقِينَ هُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿٦٧﴾

(d) Orang-orang Islam diperintah supaya memerangi orang-orang munafiqin dan orang-orang kafir, mereka juga diperintah supaya bersikap keras terhadap mereka. (Ayat: 73)

جَاهِدِ الْكُفَّارَ وَالْمُنَافِقِينَ وَاغْلُظْ عَلَيْهِمْ وَمَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ

4. Orang-orang hulu dan badwi (A`raab).

(a) Orang-orang munafiq hulu lebih kuat kekufuran dan nifaqnya berbanding orang-orang lain, mereka lalai terhadap hukum-hakam yang diturunkan Allah. (Ayat: 97)

الْأَعْرَابُ أَشَدُّ كُفْرًا وَنِفَاقًا وَأَجْدَرُ أَلَّا يَعْلَمُوا حُدُودَ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِ

(b) Orang-orang munafiq hulu menganggap berderma di jalan Allah sebagai suatu beban,

mereka menunaikannya dengan menganggapnya sebagai denda dan mereka juga berniat jahat terhadap orang-orang Islam. (Ayat: 98)

وَمِنَ الْأَعْرَابِ مَنْ يَتَّخِذُ مَا يُنْفِقُ مَغْرَمًا وَيَتَرَبَّصُّ بِكُمْ الدَّوَابِرَ عَلَيْهِمْ دَائِرَةُ السَّوْءِ

(c) Orang-orang munafiq akan diberikan azab yang berlipat kali ganda. (Ayat: 101)

وَمِمَّنْ حَوْلَكُم مِّنَ الْأَعْرَابِ مُنَافِقُونَ وَمِنْ أَهْلِ الْمَدِينَةِ مَرَدُوا عَلَى الْإِثْقَاقِ لَا تَعْلَمُهُمْ خُنَّ نَعْلَمُهُمْ سَنُعَذِّبُهُمْ مَّرَّتَيْنِ ثُمَّ يُرَدُّونَ إِلَىٰ

عَذَابٍ عَظِيمٍ ﴿١٠١﴾

(d) Orang-orang hulu dan badwi (A`raab) selalu melepaskan diri dari ikut serta ke medan perang dengan pelbagai helah dan alasan. (Ayat: 90)

وَجَاءَ الْمَعَذِّرُونَ مِنَ الْأَعْرَابِ لِيُؤْذَنَ لَهُمْ وَقَعَدَ الَّذِينَ كَذَبُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ سَيُصِيبُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ ﴿٩٠﴾

(e) Orang-orang hulu dan badwi ada juga mu'min sejati dan ikhlas (Ayat: 99)

وَمِنَ الْأَعْرَابِ مَنْ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيَتَّخِذُ مَا يُنْفِقُ قُرْبَةً إِلَى اللَّهِ وَصَلَوَاتِ الرَّسُولِ أَلَا إِنَّهَا قُرْبَةٌ لَهُمْ سَيُدْخِلُهُمُ اللَّهُ فِي

رَحْمَتِهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿٩٩﴾

(f) Orang-orang hulu dan badwi difahamkan bahawa dengan ikut serta berjihad mereka akan diberikan pahala untuk setiap langkah mereka. (Ayat: 120)

مَا كَانَ لِأَهْلِ الْمَدِينَةِ وَمَنْ حَوْلَهُمْ مِنَ الْأَعْرَابِ أَنْ يَتَخَلَّفُوا عَن رَّسُولِ اللَّهِ وَلَا يَرْغَبُوا بِأَنفُسِهِمْ عَن نَّفْسِهِ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ لَا يُصِيبُهُمْ

ظِلْمٌ وَلَا نَصَبٌ وَلَا مَخْمَصَةٌ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا يَطْئُونَ مَوْطِئًا يَغِيظُ الْكُفَّارَ وَلَا يَنَالُونَ مِنْ عَدُوِّ نِيلًا إِلَّا كُتِبَ لَهُم بِهِ عَمَلٌ صَالِحٌ إِنَّ

اللَّهَ لَا يُضِيعُ أَجْرَ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٢٠﴾